

UMP disaran hasilkan penyelidikan berkualiti

Tengku Abdullah mahu pengurusan rangsang inisiatif

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
bnasuh@pharman.com.my

KUANTAN: Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah meminta pihak pengurusan UMP memastikan penerbitan dan penyelidikan dihasilkan penyelidikannya, memiliki impak tinggi serta boleh memberi manfaat kepada semua pihak.

Baginda bertitah, universiti itu juga perlu memberi perhatian serius kepada strategi bagi merangsang inisiatif penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan sebagai satu daripada faktor kejayaan dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010.

"Menerusi rangsangan itu, penerbitan dan penyelidikan yang dihasilkan mampu mengangkat UMP ke tahap lebih membanggakan. Insya-Allah dengan kecemerlangan dipacu budaya kerja berasaskan nilai, berfokus strategi serta berpandukan prestasi dari aspirasi, cita-cita itu dapat di-realisasikan," titah baginda.

Tengku Abdullah bertitah demikian pada majlis penyampaian Anugerah Cendekia Bitara 2008, di sini semalam yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah dan Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Majlis julung kali itu bertujuan memberi pengiktira-



TENGGU Abdullah bertanya sesuatu kepada Dr Rosli ketika majlis penyampaian Anugerah Cendekia Bitara 2008 UMP di Kuantan. Turut hadir Dr Daing Nasir (dua dari kiri).

fan dan penghargaan ke atas kecemerlangan warga UMP pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Asli UMP, Abdul Syukor Abd Razak, 37, memenangi tiga anugerah bagi kategori produk penyelidikan dan satu anugerah Hadiah Sanjungan, juga bagi kategori produk penyelidikan, sekali gus membawa pulang wang tunai RM19,000 dan sijil penghargaan.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim, 32, pula menang dua anugerah Cendekia Bitara bagi kategori produk pe-

nyelidikan dan penerbitan jurnal yang menawarkan wang tunai RM10,000 dan sijil penghargaan.

Penerima lain anugerah Cendekia Bitara ialah pega-

“Menerusi rangsangan itu, penerbitan dan penyelidikan dihasilkan mampu mengangkat UMP ke tahap lebih membanggakan”

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah
Canselor UMP

wai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Mohd Zaki Ahmad bagi kategori kreativiti menerusi projek lagu tema Sukan Universiti Asean serta Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Dr Rosli Mohd Yunus bagi kategori produk penyelidikan.

Abdul Syukor dan Mimi Sakinah, berkata kemenangan itu memberi semangat baru kepada mereka untuk membuat lebih banyak penyelidikan berkualiti.

Sementara itu, Dr Daing Nasir berkata, anugerah Cendekia Bitara 2008 begitu bermakna kerana ia kali pertama universiti memberikan penghargaan.